

## **PENGUNAAN KOMBINASI KAEDAH DALAM MEMPERBAIKI KEKEMASAN TULISAN MURID TAHUN LIMA**

Oleh

**Zalaika binti Mohd Ali**  
**ieyqa89@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan kombinasi kaedah dalam membantu memperbaiki kekemasan tulisan seorang murid Tahun Lima. Selain itu, penyelidikan ini juga turut memberi ruang kepada saya untuk menambah baik amalan keguruan saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berhubung kekemasan tulisan. Data dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual dan seterusnya dianalisis melalui analisis kandungan dan analisis pola. Data kemudiannya disemak menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi masa. Hasil analisis mendapati penggunaan kombinasi kaedah membantu peserta kajian menulis dengan cantik dan kemas. Penyelidikan tindakan ini juga meningkatkan amalan sendiri melalui pengenalan kombinasi kaedah dalam membantu membaiki kekemasan tulisan murid.*

*Kata kunci: Kombinasi kaedah, kekemasan tulisan, murid Tahun Lima, lembaran garis tiga dan garis dua*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to investigate the effect of combination of method in helping a Year Five pupil improve his writing. Besides that, this research also provided me the opportunity to improve my teaching practices in Malay Language in relation to neatness of writing. Data were collected through observation, document analysis, and interview and then analyzed using content analysis and pattern analysis. The data were then checked using triangulation of method and time. The analysis of data showed that the combination of method helped the participant produce beautiful and neat writing. This action research also improved my practices in helping the pupil improve his writing.*

*Keywords: Combination of method, writing neatly, Year Five pupil, triple and double-lined worksheets*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya merupakan seorang guru pelatih yang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Saya mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam pengajian Bahasa Melayu. Saya telah menjalani praktikum Fasa 3 di SK Mawar Biru (nama samaran) selama tiga bulan dan mengajar kelas Tahun 5 Seroja (nama samaran) untuk Bahasa Melayu. Setelah beberapa minggu mengajar kelas tersebut, saya mendapati bahawa sesetengah murid mempunyai tulisan yang tidak kemas.

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Semasa menjalani praktikum Fasa 1, saya mendapati isu yang timbul dalam kelas saya ialah dari segi kemahiran menulis terutamanya kekemasan tulisan dan penggunaan tanda baca. Walaupun murid-muridnya mempunyai pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, namun isu kekemasan tulisan serta penggunaan tanda baca yang tidak betul masih lagi terjadi.

Semasa saya menjalani praktikum Fasa 2, keadaan sama turut berlaku terhadap murid-murid kelas saya. Oleh sebab masa yang agak terhad dan singkat semasa praktikum Fasa 1 dan Fasa 2, saya tidak dapat mendalami isu ini dengan lebih lanjut lagi. Di samping itu, saya juga mendapati bahawa saya sendiri juga perlu mencari pelbagai alternatif yang boleh saya gunakan dan aplikasikan untuk mengatasi isu tersebut.


Semasa menjalani praktikum Fasa 3, saya difahamkan bahawa ada murid-murid Tahun Lima yang turut mempunyai kelemahan dalam kemahiran menulis. Justeru, di kesempatan yang ada ini, saya telah menggunakan peluang yang diberikan untuk membantu murid-murid Tahun Lima memperbaiki kekemasan tulisan dengan mengaplikasikan kaedah yang bersesuaian dengan murid. Di samping itu juga, saya ingin menambah baik amalan saya serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya semasa mengatasi isu ini.

### Fokus Kajian

Dalam pemilihan fokus penyelidikan tindakan ini, saya telah merujuk kepada kriteria-kriteria tertentu untuk membantu saya mengenal pasti isu keprihatinan yang berkaitan dengan pengalaman dan amalan sendiri serta kerelevannya kepada keperluan murid-murid dan juga sekolah.

Setelah melihat hasil kerja yang dihantar terutamanya dalam buku penulisan, saya mendapati peserta kajian saya iaitu Vic (nama samaran) mempunyai tulisan yang agak besar daripada rakan-rakan lain. Tulisan yang agak besar ini menyebabkan hasil kerja Vic menjadi tidak kemas. Kesan pensel yang terlalu kuat ditekan juga menyebabkan tulisan Vic nampak comot.

Data awal yang telah dikumpulkan pada 10 Februari 2012 menunjukkan hasil kerja Vic. Rajah 1 menunjukkan latihan yang telah diberikan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) kelas Bahasa Melayu.



Rajah 1. Hasil kerja awal Vic (10 Februari 2012).

Berdasarkan latihan Vic (sila rujuk Rajah 1.1), tulisan Vic menunjukkan saiz huruf yang sama besar sama ada huruf kecil ataupun huruf besar. Vic menggunakan sepenuhnya ruang yang terdapat dalam satu garisan sehinggakan sukar untuk dibezakan sama ada huruf besar ataupun huruf kecil.

Selain tugas yang diberikan, saya juga turut melihat hasil-hasil kerja Vic yang dijalankan sebelum ini. Semenjak dari mula lagi, saya mendapati tulisan Vic tidak banyak berubah. Jarak antara perkataan juga terlalu rapat sehinggakan ada perkataan yang bertindih. Bentuk huruf yang ditulis juga tidak sempurna. Justeru, saya menjalankan kajian ini untuk membantu Vic mengatasi masalah kekemasan tulisan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- menambah baik amalan pengajaran saya dalam membantu Vic memperbaiki tulisannya supaya lebih kemas dan cantik melalui penggunaan “Kombinasi Kaedah” dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, dan
- mengkaji kesan penggunaan “Kombinasi Kaedah” dalam membantu Vic memperbaiki kekemasan tulisan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### **Persoalan Kajian**

Soalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut.

- Apakah kesan penggunaan “Kombinasi Kaedah” dalam membantu memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun Lima?
- Bagaimanakah penggunaan “Kombinasi Kaedah” dapat menambah baik amalan pengajaran dalam memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun Lima?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang memerlukan penguasaan terhadap berbagai-bagai subkemahiran dan pengetahuan tentang aspek-aspek bahasa seperti perbendaharaan kata, sistem ejaan dan tulisan, tatabahasa, tanda-tanda bacaan dan kemahiran mengolah atau menyampaikan buah fikiran dengan lancar, kemas dan berkesan (Raminah Hj. Sabran, 1989). Beliau turut menyatakan bahawa untuk boleh menulis dengan baik, seseorang itu mestilah mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Walau bagaimanapun, asas yang kukuh dalam kemahiran membaca dan bertutur tidak mencukupi untuk menghasilkan satu penulisan yang baik dan berkesan jika kemahiran asas menulis mekanis tidak dikuasai sepenuhnya.

Oleh itu, saya telah menggunakan kombinasi kaedah dalam tindakan saya. Kombinasi membawa maksud gabungan, cantuman ataupun satuan (Noresah Baharom, 1970). Kombinasi kaedah yang saya gunakan dalam penyelidikan ini membawa erti gabungan beberapa kaedah yang digunakan untuk menyelesaikan sesuatu isu atau masalah. Saya telah menjadikan kajian yang dijalankan oleh Anisah Anuar (2010) dan juga Lisah Chong Vui Fah (2011) sebagai sumber dalam menggunakan kombinasi kaedah ini. Hal ini kerana, kajian yang dijalankan oleh mereka turut menggunakan konsep kombinasi tidak kira gabungan kaedah, teknik, pendekatan mahupun bahan bantu mengajar. Berpandukan kajian-kajian tersebut,

saya telah mengaplikasikan kombinasi kaedah yang merupakan gabungan penggunaan warna, penggunaan buku dan lembaran garis tiga, lembaran garis dua, kaedah ansur maju serta bimbingan individu dalam tindakan saya. Saya percaya penggunaan kombinasi kaedah ini dapat membantu saya memperbaiki kekemasan tulisan Vic.

Selain itu, saya turut mengaplikasikan Teori Pembelajaran Konstruktivisme dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan saya. Teori ini memerlukan individu sentiasa membina pengetahuan sendiri berasaskan premis pengetahuan dan pengalaman sedia ada kepada pengetahuan atau pengalaman baharu (Boon Pong Ying, Noriati A. Rashid & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009). Dengan mengaplikasikan teori ini dalam pelaksanaan tindakan saya, Vic dapat membina pengetahuan baharu berasaskan pengalaman sedia adanya dalam kemahiran menulis.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Selepas mengenal pasti beberapa kaedah yang digunakan, saya telah merancang dan melaksanakan beberapa tindakan. Saya telah melaksanakan tindakan saya di luar waktu pengajaran dan pembelajaran sebanyak lapan kali. Saya telah menemui Vic pada waktu rehat mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Waktu rehat yang telah ditetapkan ialah pada pukul 10:00 pagi hingga 10:15 pagi. Jadual 1 menunjukkan langkah-langkah pelaksanaan tindakan saya sepanjang menjalankan kajian ini.

Jadual 1

#### ***Pelan Pelaksanaan Tindakan***

Tarikh / Hari	Tindakan
28 Mac 2012 / Rabu	Menulis huruf dan perkataan menggunakan garis tiga dan warna
03 April 2012 / Selasa	Menulis ayat menggunakan garis tiga
09 April 2012 / Isnin	Menulis wacana menggunakan garis tiga
10 April 2012 / Selasa	Menjawab soalan yang diberikan dengan menggunakan lembaran kerja yang mengandungi garis tiga dan baris satu.
16 April 2012 / Isnin	Menulis wacana menggunakan baris satu
24 April 2012 / Selasa	Menulis pantun menggunakan baris satu
18 Julai 2012 / Rabu	Menulis contoh karangan

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Selain berperanan sebagai penyelidik, saya juga merupakan peserta dalam kajian ini bersesuaian dengan definisi penyelidikan tindakan oleh McNiff (1988) dalam Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Noriati A. Rashid et. al. 2010). McNiff menyatakan bahawa penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya.

Saya telah memilih seorang murid Tahun Lima yang diberi nama samaran Vic sebagai peserta kajian saya. Vic mempunyai tulisan yang bersaiz besar sehinggakan perbezaan untuk huruf besar dan huruf kecil tidak dapat dikenal pasti.


Oleh itu, di kesempatan ini, saya ingin membantu Vic memperbaiki kekemasan tulisannya melalui langkah-langkah yang telah dirancang.

### Etika Penyelidikan

Sebelum melaksanakan penyelidikan ini, pihak institut telah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah secara formal untuk membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini. Setelah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah, saya kemudiannya mendapatkan persetujuan penyertaan daripada ibu bapa peserta serta peserta kajian melalui surat persetujuan. Peserta kajian juga telah dijelaskan tentang beberapa isu etika yang berkaitan untuk menjaga kepentingan diri saya, peserta kajian dan pihak-pihak lain.

### Kaedah Mengumpul Data Pemerhatian

Pemerhatian melibatkan proses yang berlaku secara langsung. Kaedah ini membolehkan pengumpulan data secara berkesan. Penyelidik berupaya memberi dan memperoleh penerangan deskriptif terhadap setiap tingkah laku yang diperhatikan (Betty Chiew Mee Hui, 2011). Dalam kaedah ini, saya menggunakan nota lapangan tidak berstruktur sebagai instrumen untuk mengumpul data pemerhatian. Rajah 2 menunjukkan contoh nota lapangan saya pada 28 Mac 2012.



The image shows a screenshot of a field note document. At the top, there are fields for 'Tarikh' (Date), 'Masa' (Time), 'Tempat' (Location), and 'Catatan ke' (Note number). Below this is a table with three columns: 'Bil' (No.), 'Aktiviti' (Activity), and 'Catatan' (Notes). The 'Aktiviti' column contains text about writing letters. The 'Catatan' column contains a list of observations. A red circle highlights a portion of the text in the 'Catatan' column. A callout box with an arrow points to this circle, containing the text: 'Catatan yang saya buat berdasarkan pemerhatian yang dijalankan'.


Tarikh	28 Mac 2012	
Masa	1000-1015	
Tempat	Bilik Pemulihan	
Catatan ke	1	
Bil	Aktiviti	Catatan
1	Menulis huruf yang mempunyai bentuk yang sama untuk huruf besar dan huruf kecil menggunakan buku gantai tiga dan warna huruf yang terlibat ialah 'K', 'k', 'J', 'j', 'S' dan 's'.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Selepas mendengar penerangan dan melihat contoh yang diberikan, Vic mula menulis huruf yang ditunjukkan dengan menggunakan warna biru dan warna kuning.</li><li>- Vic dapat menulis huruf dengan baik menggunakan buku gantai tiga.</li><li>- Selepas beberapa ketika, Vic kelihatan bosan dan letih apabila awak menukar warna untuk membezakan huruf kecil dan huruf besar.</li><li>- Mungkin sebab terlalu letih atau malas menukar warna, Vic hanya menggunakan warna biru sahaja untuk menulis dan selepas itu, Vic menggunakan semula 2 warna seperti yang ditunjukkan.</li></ul>

Rajah 2. Catatan nota lapangan (28 Mac 2012).

Saya mencatat setiap perkara atau peristiwa yang berlaku dalam nota lapangan saya. Antara aspek yang saya perhatikan ialah perlakuan “non-verbal”, interaksi lisan, tingkah laku dan perkara-perkara di luar jangkaan yang terjadi sepanjang sesi pelaksanaan berlaku.

### Analisis dokumen

Selain pemerhatian, kaedah pengumpulan data yang saya gunakan ialah melalui analisis dokumen. Instrumen yang saya gunakan dalam analisis dokumen ini ialah lembaran kerja dan borang prestasi murid. Lembaran kerja yang saya hasilkan terdiri daripada dua jenis iaitu lembaran kerja menggunakan garis tiga dan lembaran kerja menggunakan garis dua seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.



Rajah 3. Dua jenis lembaran kerja yang disediakan.

Setiap data yang didapati daripada lembaran kerja direkodkan dalam borang prestasi murid. Borang ini berbandukan peringkat dalam pelaksanaan kajian dan dapat menunjukkan kesan kaedah yang digunakan.

### Temu bual

Kaedah pengumpulan data yang saya gunakan seterusnya ialah kaedah temu bual. Kaedah temu bual yang saya gunakan ialah berbentuk temu bual separa berstruktur. Sebelum melaksanakan sesi temu bual, saya menyediakan beberapa soalan terlebih dahulu. Saya melaksanakan temu bual terhadap peserta saya secara individu. Saya telah membuat koding untuk setiap temu bual yang dijalankan. Contoh-contoh koding adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.2.

#### Jadual 2

Contoh Pengekodan Data Temu bual

Kod Data	Maksud
TB01VIC28032012	Temu bual pertama bersama Vic pada 28 Mac 2012
TB02VIC16042012	Temu bual ke-2 bersama Vic pada 16 April 2012
TB03VIC19072012	Temu bual ke-3 bersama Vic pada 19 Julai 2012
TB04SIT119072012	Temu bual ke-4 bersama Siti pada 19 Julai 2012

### Teknik Menganalisis Data

#### Analisis kandungan

Saya telah menggunakan teknik analisis kandungan terhadap catatan nota lapangan dan lembaran kerja. Untuk memudahkan saya menganalisis kandungan daripada nota lapangan yang dibuat, saya telah menyediakan satu lagi ruang di bawah catatan dan aktiviti yang dibuat iaitu ruangan catatan reflektif. Saya mencari isu yang timbul dalam catatan nota lapangan dan meringkaskannya ke dalam bentuk catatan reflektif. Rajah 4 menunjukkan catatan reflektif saya pada 10 April 2012.

<p>- Seekali, Vic meminta tolong rakannya untuk mencari jawapan daripada petikan yang disediakan.</p>	<p><b>Catatan reflektif :</b> Pengubahsuaian dalam lembaran kerja yang diberikan menyebabkan Vic terpinga-pinga dan keliru kerana lembaran kerja yang diberikan mempunyai tempat kosong bergaris tiga dan garis dua</p>
<p><b>Catatan Reflektif</b> Seperti dalam cadangan sebelum ini, saya akan mengubahsuaikan lembaran kerja yang akan digunakan. Jadi, lembaran kerja yang telah saya gunakan merangkumi garis tiga dan baris satu sebagai tempat mengisi jawapan. Untuk soalan 1,3,5 dan 7 saya menyediakan tempat kosong dengan garis tiga dan untuk soalan 2,4 dan 6 pula saya menyediakan tempat kosong baris satu. Hasil yang saya dapat ialah Vic dapat menulis dengan baik menggunakan garis tiga manakala untuk baris satu hasilnya kurang memuaskan.</p>	<p><b>Kekuatan :</b> Lembaran kerja yang diberikan dapat menunjukkan perbezaan tulisan Vic</p>
<p><b>Kekuatan</b> - Lembaran kerja yang diberikan dapat mengubahsuaikan penggunaan garis tiga dan baris satu. - Lembaran kerja yang diberikan dapat menunjukkan perbezaan tulisan Vic.</p>	<p><b>Kelemahan :</b> Vic tidak dapat menulis dengan sempurna menggunakan garis dua dan arahan tidak jelas.</p>
<p><b>Kelemahan</b> - Vic tidak dapat menulis dengan sempurna dengan menggunakan baris satu. - Arahan tidak jelas.</p>	<p><b>Penambahbaikan :</b> Memberikan latihan yang menggunakan lembaran garis dua sahaja dan memberikan arahan beserta contohnya sekali.</p>
<p><b>penambahbaikan</b> - Untuk penambahbaikan aktiviti seterusnya, saya tidak akan menggunakan lembaran kerja garis tiga lagi dan akan menggunakan lembaran kerja baris satu sahaja. - Memberikan arahan dengan menunjukkan contoh sekali.</p>	

Rajah 4. Hasil catatan reflektif (10 April 2012)

Daripada catatan reflektif tersebut, saya dapat mengenal pasti kekuatan, kelemahan serta cadangan penambahbaikan terhadap kaedah dan amalan pengajaran yang saya gunakan dalam memperbaiki kekemasan tulisan Vic untuk sesi seterusnya.

Selain itu, saya juga telah menganalisis data kandungan lembaran kerja Vic. Setiap huruf yang ditulis betul ditandakan (✓) dan dibulatkan (o) apabila tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan. Hasil analisis lembaran kerja Vic direkodkan dalam rekod prestasi murid. Jumlah kesalahan yang dilakukan menentukan gred yang diperoleh. Dalam menetapkan gred ini, saya telah menghasilkan satu panduan sebagai rujukan. Panduan ini merupakan skema yang telah digunakan oleh Ahmad Durani Suip (2010) dalam kajian beliau. Walau bagaimanapun, sedikit penambahan dibuat dalam panduan tersebut mengikut ciri-ciri tulisan Vic yang ingin diperbaiki.

### Analisis pola

Berdasarkan analisis kandungan yang dibuat terhadap kandungan lembaran kerja Vic, saya telah mencari persamaan kesalahan yang sering dilakukan dalam setiap lembaran kerja yang diberikan. Di sini, saya telah menggunakan satu lagi teknik menganalisis data iaitu analisis pola. Dengan menggunakan kriteria tulisan seperti yang telah ditetapkan, saya kemudiannya menghasilkan satu senarai semak untuk melihat perubahan dalam tulisan Vic dalam bentuk jadual. Jadual 3 menunjukkan senarai semak lembaran kerja bertulis Vic.

Jadual 3  
Senarai Semak Lembaran Kerja Bertulis

Kriteria Tulisan	Tinjauan awal	Lembaran Kerja							Tinjauan akhir
		1	2	3	4	5	6	7	
Kesepaduan Tulisan ( Bukan Tulisan Berangkai )	/	x	x	x	x	x	x	x	x
Percakapan Lantau Babat ( Bukan Tulisan Berangkai )	/	/	x	x	x	x	/	x	x
Huruf-Huruf Lantau Dekat ( Bukan Tulisan Berangkai )	/	/	x	x	x	x	x	x	x
Huruf Tidak Sambung Dan Menyusupi Huruf Lain	/	x	x	/	/	/	/	x	x
Saiz Tulisan Yang Sesuai	/	x	x	x	x	/	/	/	x

( / ) → ada melakukan kesalahan  
( x ) → tiada melakukan kesalahan

Daripada senarai semak tersebut, saya dapat melihat pelbagai jenis pola perubahan yang berlaku. Dengan berpandukan senarai semak tersebut, saya telah menghasilkan satu jadual kekerapan. Jadual 4 menunjukkan kekerapan kesilapan tulisan Vic.

Jadual 4  
Kekerapan Melakukan Kesalahan dalam Tulisan

lembaran	Tinjauan awal	1	2	3	4	5	6	7	Tinjauan akhir
kekerapan	5	1	0	1	1	2	3	1	0

Melalui analisis pola yang dibuat, saya dapat melihat sejauh mana penguasaan peserta kajian saya dalam kemahiran yang dijalankan. Senarai semak memudahkan saya mengenal pasti kesalahan yang dilakukan dan mencari cara penambahbaikan yang harus dilakukan. Melalui analisis pola ini, saya dapat mengetahui perkembangan peserta kajian saya di samping membantu menilai kaedah penyelidikan yang telah digunakan.

### Teknik Menyemak Data Triangulasi kaedah

Triangulasi kaedah yang saya gunakan dalam penyemakan data ini ialah triangulasi antara kaedah iaitu proses pengumpulan data yang berlainan daripada peserta kajian yang sama melalui pemerhatian, borang rekod prestasi dan temu bual. Peserta penyelidikan tindakan saya adalah tetap dan terdiri daripada seorang pelajar sahaja. Maka, data yang diambil merupakan data Vic seorang sahaja. Triangulasi kaedah yang saya gunakan adalah dengan membuat perbandingan antara sumber data yang dikumpul iaitu lembaran kerja, borang rekod prestasi dan temu bual dengan peserta iaitu Vic. Rajah 5 menunjukkan contoh triangulasi antara kaedah yang melibatkan lembaran kerja, borang prestasi murid, senarai semak dan temu bual.



Lembaran kerja ke-8 pada 18 Julai 2012

- Tulisan **kemas** dan senang dibaca.
- Tulisan **tidak terlalu besar**.
- Tiada kesalahan yang dilakukan berdasarkan kriteria yang ditentukan.

( Catatan dalam rekod prestasi murid )

Saya Sepanjang 2 bulan ini, ada tak kamu cuba baiki tulisan kamu?  
 Vic Ada cikgu.  
 Saya Kalau ada, cuba buka buku kamu  
 Vic ( Membuka buku penulisan Bahasa Melayu dan menunjukkan hasil Kerjanya ).  
 Saya Bagaimana tulisan kamu sekarang?  
 Vic **Lebih kecil, dan tidak berserabut lagi.**  
 Saya Adakah cara cikgu membantu kamu menulis dengan kemas?  
 Vic Ya...

Rajah 5. Contoh triangulasi antara kaedah.

Rajah 5 menunjukkan lembaran kerja Vic serta catatan daripada rekod prestasi murid dan temu bual saya dengan Vic menunjukkan perubahan dalam tulisan Vic. Perubahan tulisan Vic yang disokong oleh temu bual dan catatan rekod prestasi murid menunjukkan kaedah yang digunakan dalam membaiki kekemasan tulisan Vic berkesan. Dapatan daripada temu bual menunjukkan persamaan iaitu tulisan murid berubah dengan kaedah yang digunakan. Teknik triangulasi kaedah ini amat meyakinkan saya bahawa data yang diperoleh mempunyai kesahan.

### Triangulasi masa

Teknik triangulasi kedua yang saya gunakan ialah triangulasi masa. Triangulasi masa merujuk kepada proses pengumpulan data ke atas sesuatu sumber dalam suatu tempoh atau jangka masa yang tertentu. Dalam tempoh tersebut, saya telah mengedarkan lembaran kerja dan menganalisis serta membuat perbandingan setiap lembaran kerja yang dibuat. Jadual 5 menunjukkan tarikh-tarikh pendedaran lembaran kerja.

Jadual 5

#### Tarikh Pendedaran Lembaran Kerja


Bil	Tarikh	Lembaran Kerja
1	28 Mac 2012	Latihan 1
2	2 April 2012	Latihan 2
3	3 April 2012	Latihan 3
4	9 April 2012	Latihan 4
5	10 April 2012	Latihan 5
6	16 April 2012	Latihan 6
7	24 April 2012	Latihan 7
8	18 Julai 2012	Tinjauan akhir

Lembaran kerja yang diberikan adalah berbentuk ansur maju. Saya menggunakan buku garis tiga untuk latihan 1 sehingga latihan 4 dan lembaran garis dua untuk latihan seterusnya sehingga tinjauan terakhir dijalankan.

### REFLEKSI DAPATAN

- **Apakah kesan penggunaan kombinasi kaedah dalam membantu memperbaiki kekemasan tulisan Vic?**

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan dua jenis lembaran kerja iaitu penggunaan buku atau lembaran garis tiga dan lembaran garis dua. Di samping itu, terdapat kaedah lain yang turut digunakan iaitu penggunaan warna, kaedah ansur maju dan bimbingan individu. Dengan mengaplikasikan penggunaan warna dan buku garis tiga, saya dapat mengenal pasti kemampuan Vic dalam menulis huruf besar dan huruf kecil. Rajah 6 menunjukkan hasil kerja Vic.



Rajah 6. Hasil kerja Vic (2 April 2012).

Selain itu, setelah menjalani tujuh sesi tindakan, Vic menunjukkan perubahan dalam saiz dan kekemasan tulisannya. Jadual 6 menunjukkan pengurangan kesalahan yang dilakukan oleh Vic.

Jadual 6

#### *Kekerapan Melakukan Kesalahan dalam Tulisan*

lembaran	Tinjauan awal	1	2	3	4	5	6	7	Tinjauan akhir
kekerapan	5	1	0	1	1	2	3	1	0

Vic dapat meminimumkan jumlah kesalahan yang dilakukan dalam tinjauan akhir. Hal ini turut disokong oleh rakan sepraktikum saya iaitu Siti. Transkrip temu bual saya bersama Siti pada 19 Julai 2012 adalah seperti berikut.

- Saya: Apa yang dapat anda perhatikan pada dua lembaran kerja ini?  
 Siti: Ada banyak perubahan yang berlaku, saiz tulisan lebih kecil dan kemas, cantik dan mudah dibaca.  
 Saya: Adakah anda rasa kaedah yang saya gunakan bersesuaian dengan murid?  
 Siti: Ya..

(TB04SITI19072012)

Hasil temu bual menunjukkan tulisan Vic menunjukkan perubahan seperti yang dinyatakan oleh Siti iaitu saiz tulisan lebih kecil dan kemas, cantik dan mudah dibaca.

- **Bagaimanakah penggunaan kombinasi kaedah dapat menambah baik amalan pengajaran dalam memperbaiki kekemasan tulisan Vic?**

Seperti yang dinyatakan oleh Somekh (1989) dan McNiff (1988), penyelidikan membolehkan penyelidik memperbaiki kualiti amalan sendiri dan meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang dilakukan. Dengan menggunakan kombinasi kaedah ini, saya dapat menambah baik amalan sendiri saya sebagai guru Bahasa Melayu dalam menangani masalah tulisan murid saya .

Dengan mengaplikasikan penggunaan kombinasi kaedah dalam tindakan saya, saya mendapat satu maklum balas yang amat memuaskan daripada peserta saya dan rakan sepraktikum. Maklum balas yang saya terima ini adalah hasil temu bual yang telah saya jalankan pada 19 Julai 2012 dan berikut merupakan transkrip temu bual tersebut.

Vic ( Membuka buku penulisan Bahasa Melayu dan menunjukkan hasil kerjanya ).

Saya Bagaimana tulisan kamu sekarang?


Vic Lebih kecil, dan tidak berserabut lagi.

Saya Adakah cara cikgu membantu kamu menulis dengan kemas?

Vic Ya...

( TB03VIC19072012 )

Maklum balas yang saya dapat menunjukkan penggunaan kombinasi kaedah dapat membantu Vic memperbaiki kekemasan tulisannya apabila Vic sendiri menyatakan bahawa tulisannya lebih kecil dan kemas. Hasil temu bual juga menunjukkan Vic bersetuju dengan kaedah yang saya gunakan. Dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah ini, secara tidak langsungnya saya dapat mempelbagaikan lembaran kerja dalam kajian tindakan saya seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7.



Rajah 7. Keperbagaian lembaran kerja yang digunakan.

Dengan adanya lembaran kerja yang pelbagai, Vic tidak berasa bosan apabila asyik membuat latihan menulis yang sama setiap kali sesi tindakan. Kaedah pengajaran berperingkat yang diterapkan juga membolehkan saya mengenal pasti keupayaan murid dalam menguasai sesuatu kemahiran yang saya gunakan. Maka, penggunaan kombinasi kaedah ini membuatkan saya lebih peka terhadap permasalahan peserta saya. Kepekaan inilah yang membuatkan saya mencari alternatif lain dalam mengubahsuaikan lembaran kerja yang diberikan untuk peserta saya.

Saya juga dapat menambah baik amalan sendiri saya dari aspek emosi pelajar. Selain menggunakan kaedah yang berkesan, aspek emosi juga harus ditekankan dalam setiap tindakan supaya tidak timbul masalah-masalah lain. Seterusnya, hubungan saya dengan pelajar juga bertambah erat.

## **REFLEKSI**

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Melalui tindakan ini, saya telah menyedari bahawa untuk menjadi seorang guru yang berkesan, kita perlu mengetahui banyak ilmu terutamanya dari segi pedagogi. Seperti tindakan yang saya jalankan iaitu menggunakan kombinasi kaedah, saya dapat menggunakan lima kaedah yang berlainan untuk mengatasi satu isu dalam pembelajaran murid.

Selain itu, tindakan yang saya jalankan ini juga dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dalam diri saya. Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini membantu saya membentuk diri menjadi seorang guru Bahasa Melayu yang berkesan.

Sebagai seorang guru saya harus mempunyai budaya belajar sepanjang hayat. Saya harus mengamalkan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran belajar, mengurus, merancang, kemahiran berfikir, pemudah cara, kemahiran menilai, kemahiran mengajar, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi dan maklumat (TMK).

Sepanjang pelaksanaan tindakan, saya telah mempelajari cara-cara untuk mengumpul data, menganalisis dan seterusnya menyemak data. Kajian yang dilaksanakan perlulah dirancang terlebih dahulu untuk mendapatkan hasil yang memuaskan. Sepanjang tempoh pelaksanaan tindakan juga, saya banyak membuat penambahbaikan terhadap tindakan saya pada sesi sebelumnya.

### **Cadangan Kajian Lanjutan untuk Kitaran Seterusnya**

Secara keseluruhannya, tindakan yang jalankan dalam kajian ini berjaya memperbaiki kekemasan tulisan Vic. Tulisan Vic menampakkan perubahan dalam tinjauan akhir yang saya jalankan. Persoalan kajian dijawab dan objektif juga turut tercapai. Namun begitu, kekemasan tulisan Vic tidak tekal. Oleh itu, saya telah membuat beberapa cadangan penambahbaikan untuk kitaran dan kajian selanjutnya.

Untuk memastikan Vic dapat mengekalkan kekemasan tulisannya, saya akan sentiasa memantau dan memberikan latihan yang berterusan sebagai latihan tubi.

Selain itu, saya juga akan mencuba untuk menggunakan bahan bantu yang berbentuk konkrit supaya sesi tindakan menjadi lebih menyeronokkan.

Saya juga akan mengambil beberapa orang murid lain lagi yang mempunyai isu yang sama sebagai peserta saya disebabkan saya sudah mempunyai pengalaman dalam menjalankan kajian. Untuk menjalankan kajian seterusnya, saya akan mengambil iktibar dan pengajaran daripada kajian lepas supaya setiap tindakan yang saya jalankan lebih sistematik dan berkesan.

Selain itu, saya turut ingin meneruskan kaedah ini di sekolah lain apabila terdapat isu dalam kekemasan tulisan. Akan tetapi, saya perlu melihat kepada tahap peserta kajian saya. Walau bagaimana pun, saya akan mencari satu kaedah yang lain sekiranya kaedah yang sama tidak sesuai dengan peserta saya. Namun, latihan secara berterusan untuk memastikan peserta saya sentiasa tekak dari segi penulisannya akan tetap dijalankan walaupun mempunyai tahap keupayaan yang berbeza.

### **RUJUKAN**

- Anisah Anuar @ Yong Hui Ming. (2010). Membetulkan tulisan huruf 'k' dan 's' kecil murid Tahun Tiga menggunakan lembaran kerja garisan BT dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju, *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 37-54.
- Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Noresah Baharom. (1970). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor: Oxford Fajar.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar.
- Lisah Chong Vui Fah. (2011). Penggunaan "Combo Set" dalam membantu murid Tahun Tiga menjawab soalan long division, *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP MT amb. Januari 2008, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011*, 27-41.
- Raminah Hj. Sabran (1989). *Kecekapan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia untuk pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar.